

**Potensi besar di Malaysia
Utusan Online
November 07, 2011**

KUALA LUMPUR 6 Nov. - Malaysia mempunyai potensi yang luas dalam projek-projek mesra alam dengan pelbagai insentif diperkenalkan kerajaan dalam menyokong industri hijau, kata Nollen Group.

Nollen Group dan syarikat-syarikat bersekutu telah terlibat dalam membangunkan dan membiayai projek-projek berkaitan industri hijau sejak 30 tahun lalu.

Fokus awal kumpulan ini adalah untuk membangunkan dan membiayai hospital dan projek-projek infrastruktur di pasaran- pasaran baru muncul.

Tetapi sejak kebelakangan ini mereka telah mengubah fokus kepada projek-projek yang menyediakan penyelesaian kos efektif dan cabaran pembangunan tenaga, alam sekitar serta ekonomi.

Sekutu pelaburannya, Peter Higgins berkata, Nollen Group telah melihat potensi di Asia Tenggara dan Malaysia terutamanya dalam pembiayaan melibatkan projek- projek berkaitan tenaga, alam sekitar serta ekonomi itu.

"Pada masa ini, kami telah mempunyai kehadiran di Thailand dan Filipina dan telah terlibat dengan pembiayaan projek-projek di sana dalam pelbagai industri termasuk biogas.

"Dengan kerajaan Malaysia yang menggalakkan pembangunan tenaga boleh diperbaharui (RE) potensi untuk memberikan pembiayaan kepada syarikat-syarikat ingin menyertai industri adalah sangat luas.

"Terutama bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang masih mencari arah dalam memulakan projek berasaskan RE mahupun berkaitan dengan industri hijau," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Tambah Higgins, setakat ini tiada sebarang cabaran yang besar dalam industri ini kerana kebanyakan mereka yang terlibat adalah bersikap positif.

"Kami juga terbuka untuk menjadi rakan kongsi kepada syarikat-syarikat tempatan yang berminat dengan mereka sebagai penyedia teknikal dan kami memberikan pembiayaan.

"Bagi merealisasikan hasrat tersebut kami telah menyertai Pameran dan Persidangan Teknologi Hijau dan Produk Eko Antarabangsa Malaysia (IGEM 2011) untuk kali kedua bagi mencari syarikat-syarikat berminat.

"Setakat ini, maklum balas yang diterima sangat menggalakkan dan kami berharap ia dapat membuah perjanjian perniagaan dalam masa terdekat," jelasnya.

Ketika ditanya mengenai kriteria pemilihan, Nollen Group mempunyai garis panduan yang telah ditetapkan mereka dan syarikat berminat perlu memenuhi kriteria tersebut sebelum sebarang pembiayaan dibuat.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1107&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_03.htm